



PERCUMA 7 - 14 Mac 2014, 5 - 12 Jamadilawal 1435

Krisis bukan bencana alam, tetapi angkara SYABAS

muka 6

Cantas birokrasi bantu pemilik pangsapuri dapat hak milik

muka 10

Perkhidmatan Bas Percuma Komuniti MBSA

muka 13



Hadiah Anak Masuk Universiti: Ringankan beban ibu bapa dan pelajar

muka 15

## ENAK...

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, menjamah kuih penderam, sewaktu melawat ke gerai-gerai yang mengambil bahagian dalam 'Fiesta Sate Selangor'. Program yang diadakan sempena Bulan Melawat Hulu Langat itu, dihadiri kira-kira 2,000 pengunjung. Selain gerai sate, fiesta itu turut disertai peniaga skim Mikrokredit Miskin Bandar (Mimbar) dan peniaga daripada industri kecil dan sederhana (IKS)



# MoU air jamin tarif tidak naik, air percuma diteruskan

OLEH AFEERA AFEEQA

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor memberi jaminan tidak menaikkan tarif air, sebaliknya rakyat negeri ini terus menikmati pemberian air percuma 20 meter padu, sepanjang tiga tahun akan datang.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata rakyat tidak perlu khuatir meskipun adakwaan memorandum persefahaman (MoU) penstrukturan air yang dimeterai bersama Kerajaan Pusat kononnya me-

**Kerajaan Selangor juga akan memastikan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) tidak menaikkan harga air selepas menyerahkan aset air. Bila dalam perjanjian baru, PAAB juga terlibat. Ia sudah dipersetujui**

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

nyebabkan pengguna menanggung kos lebih tinggi.

"Tidak. Tarif air tidak akan naik dalam tempoh tiga tahun," katanya ringkas ketika mengulas hal itu pada sidang media di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

Abdul Khalid berkata, Heads of Agreement yang akan ditandatangani bersama Kerajaan Persekutuan nanti juga turut menyatakan tiada kenaikan tarif air berlaku.

Katanya, Kerajaan Selangor juga akan memastikan Perba-

danan Aset Air Berhad (PAAB) tidak menaikkan harga air selepas menyerahkan aset air.

"Bila dalam perjanjian baru, PAAB juga terlibat. Ia sudah dipersetujui dan ini semua akan berlaku di Selangor sahaja tetapi turut berlaku di Johor dan Melaka," katanya.

Minggu lalu, MoU penstrukturan air dimeterai antara Kerajaan Selangor dan Kerajaan Pusat, membolehkan pengambilalihan ekuiti empat syarikat konsesi air yang menerima pampasan RM9.65 bilion.

Ia penting bagi mengelakkan tarif air meningkat hingga sehingga 70 peratus seperti yang didesak Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) sebelum ini.

Dalam kenyataan lain, Ketua Pegawai Eksekutif Faekah Husin berkata memorandum persefahaman itu dijangka mempercepatkan penyusunan semula industri air yang merupakan proses penting memastikan kadar tarif air yang munasabah, di samping meneruskan program 20 meter padu air percuma secara berterusan.

## Persekutuan sokong usaha Selangor bina HORAS

**SHAH ALAM** - Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, berkeinginan untuk menghadiri majlis pecah tanah projek Hybrid Off River Augmentation System (Horas) di Kuala Selangor pada 15 Mac depan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, mengalu-alukan keinginan itu sebagai komitmen Kerajaan Persekutuan untuk terus bekerjasama dengan Kerajaan Selangor untuk mengatasi isu air di negeri ini.

“Kita yakin projek Horas akan berjaya menyelesaikan masalah gangguan bekalan air, sementara menunggu siapnya Langat 2,” kata Abdul Khalid dalam satu kenyataan.

Projek itu melibatkan sistem pengumpulan lebih air dari loji Sungai Selangor ke bekas lombong di Bestari Jaya.

Takungan itu dijangka membekalkan air terawat sebanyak 600 juta liter sehari dan mencukupi untuk bekalan empat bulan tanpa sebarang aliran masuk dari Sungai Selangor pada musim kering.



Menteri Besar sewaktu sidang media selepas mesyuarat Exco

## Komas: MB ketepikan ego demi rakyat

**SHAH ALAM** - Perjanjian persefahaman (MoU) air antara Kerajaan Selangor dan Kerajaan Pusat suatu permulaan baik untuk rakyat yang sepatutnya dirai, bukan dipersoal.

Pengarah Eksekutif Pusat Komunikasi Masyarakat (Komas), Tan Jo Hann, berkata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengetepi risiko politik yang besar demi kepentingan rakyat.

Beliau percaya Abdul Khalid sebagai tokoh berpengalaman dengan rekod pencapaian cemerlang, keputusan itu pasti tidak akan merugikan rakyat.

“Kita tidak boleh elak untuk jalin kerjasama dengan Kerajaan Pusat, sama seperti pembinaan lebuh raya, jalan raya, pendidikan dan lain-lain. Ia tidak boleh dilaksanakan sendiri.

“Cuma, kita perlu hati-hati dan pastikan segala-galanya dilakukan secara telus dan berintegriti. Perkara seperti ini, saya pasti Menteri Besar lebih arif dan teliti,” katanya kepada Selangor Kini.

Komas ialah sebuah organisasi hak asasi manusia yang ditubuh pada 1993 untuk menyokong komuniti terpinggir.

Kata Tan, semua kerajaan sama ada peringkat negeri ma-

hupun pusat boleh mengambil iktibar dari usahasama berkeajaan.

“Dalam beberapa hal, kita perlu ketepikan ego kita dalam gelanggang politik kerana jika kita berkeras, rakyat jadi mangsa.

“Tetapi dalam masa sama, kita perlu berpegang kuat pada dasar dan prinsip kita iaitu memperjuangkan hak dan kebajikan rakyat,” katanya.

“

**Kita tidak boleh elak untuk jalin kerjasama dengan Kerajaan Pusat... cuma, kita perlu hati-hati dan pastikan segala-galanya dilakukan secara telus dan berintegriti. Perkara seperti ini, saya pasti Menteri Besar lebih arif dan teliti**

**TAN JO HANN**  
Pengerusi Eksekutif Komas

## Selesaikan penstrukturan air

# Persekutuan-Selangor menuju langkah kedua

**SHAH ALAM** - Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menandatangani Heads of Agreement dengan Kerajaan Selangor yang mengandungi maklumat lebih menyeluruh dan terperinci mengenai penstrukturan industri air negeri.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata perkara itu dipersetujui dalam satu pertemuan bersama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di Putrajaya, 4 Mac lalu.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), mewakili Kerajaan Persekutuan dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) mewakili Kerajaan Negeri akan bekerjasama menghasilkan draf perjanjian yang dijangka ditandatangani dalam masa terdekat.

“Perkembangan ini menunjukkan komitmen berterusan

kedua-dua belah pihak terhadap Perjanjian Persefahaman (MoU) penstrukturan air Selangor yang ditandatangani minggu lalu,” tegas Abdul Khalid.

Head of Agreement ialah dokumen yang menyatakan isu-isu utama yang relevan dalam mana-mana perjanjian. Dokumen itu berkuatkuasa sebaik sahaja ia diserap ke dalam kontrak induk dan dipersetujui secara bersama oleh pihak terlibat.

Melalui langkah ini semua pihak terlibat akan memahami tanggungjawab dan peranan masing-masing, syarat-syarat penting dan mengurangkan atau menghapuskan kemungkinan berlakunya salah faham antara mereka.

“Kerajaan Selangor mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan terhadap komitmen untuk menghormati

MoU dan Selangor berharap proses penyusunan semula industri air ini boleh diselesaikan secepat mungkin, selaras dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006,” kata Abdul Khalid.

Sementara itu, Kerajaan Negeri dijangka akan mendedahkan kandungan Memorandum Persefahaman berkenaan penstrukturan industri air Selangor yang dimeterai bersama Putrajaya baru-baru ini dalam masa seminggu.

Abdul Khalid berkata, pihaknya menjangkakan Putrajaya akan memberi ‘lampu hijau’ kerana ia tidak melibatkan keselamatan nasional.

“Kita jangka Putrajaya akan beri kebenaran kerana kita menuruti prosedur-prosedur yang ditetapkan,” katanya selepas mesyuarat Exco Rabu lalu.

# MoU air: Kepentingan negeri dan rakyat dilindungi

**SHAH ALAM** - Semua terma dan syarat yang terkandung dalam memorandum persefahaman antara Selangor dan Putrajaya diteliti dengan cermat bagi memastikan kepentingan negeri dan rakyat dilindungi di setiap peringkat rundingan, tegas Ketua Pegawai Eksekutif Pembedaan Menteri Besar Selangor (MBI), Faekah Husin.

Meskipun ada suara-suara yang meragui terma dan syarat memorandum itu, Faekah memberi jaminan setiap muka surat

didebatkan bagi memastikan tiada kelompangan dalam perjanjian itu yang akhirnya membawa kerugian kepada Selangor.

Tegasnya, satu klausa penting dimuatkan yang memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk bertindak sekiranya persefahaman ini dilanggar.

"Kerajaan Negeri sama sekali tidak akan menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) penstrukturan semula industri air dengan Kerajaan Persekutuan sekiranya kepentingan rakyat

tidak dilindungi.

"Malah, satu klausa dalam MoU turut menjamin hak mana-mana pihak yang terlibat untuk mengambil sebarang tindakan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan sebarang undang-undang yang berkenaan jika merasakan kepentingan mereka terancam," jelas Faekah.

Menurut kenyataan itu lagi, rundingan antara Selangor, Persekutuan dan konsesi air bermula pada 2010 dan hasil rundingan antara mereka diumumkan

kepada orang awam secara telus melalui siri kenyataan media dan sesi penerangan kepada wakil rakyat.

Jelasnya lagi, Kerajaan Negeri mengambil masa satu bulan sebelum membuat sebarang persetujuan dengan Putrajaya untuk memastikan pengambil-alihan industri air memenuhi keperluan undang-undang.

Kerajaan Negeri juga mahu memastikan rundingan penstrukturan industri air dijalankan secara profesional, dan berintegriti.

"Kerajaan Negeri sentiasa konsisten dan tidak pernah berganjak dengan kesemua syarat dan terma ini sehinggalah MoU ini ditandatangani pada 26 Februari lalu.

"Kerajaan Selangor juga yakin bahawa penilaian harga ekuiti yang memberi pulangan tahunan 12 peratus kepada pemegang saham tidak akan diperlekehkan oleh Timbangtara Antarabangsa. Sehingga kini, tiada mana-mana pihak mempertikaikan penilaian harga yang ditawarkan Kerajaan Negeri," jelas Faekah.

## Saham air diterbitkan selepas 6 bulan penstrukturan berjaya



**Menteri Besar bersama wakil pangsapuri yang berjaya menerima Anugerah K-Star Pangsapuri Selangor**

**KAJANG** - Prospektus saham industri air Selangor dijangka diterbitkan dalam jangka masa enam bulan hingga setahun selepas penstrukturan industri air berjaya dimuktamadkan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata masa itu diperlukan bagi memberi laluan kepada proses pengambil alihan, penyusunan semula organisasi dan lain-lain kajian dijalankan sebelum Kerajaan Negeri memutuskan harga saham yang akan ditawarkan kepada rakyat.

"Selepas enam bulan hingga setahun penyusunan semula barulah kita boleh keluarkan prospektus untuk pembelian saham.

"Pembeli saham tidak akan berminat nak beli kertas saham sekiranya mereka tak tahu bagaimana pulangnya, asetnya dan sebagainya," kata Abdul Khalid dalam sidang media Majlis Perhimpunan Perdana JMB/MC dan Anugerah K-Star Pangsapuri Selangor di Dewan Konvensyen Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

(KUIS) di Bandar Seri Putra baru-baru ini.

Sebelum sesebuah syarikat menerbitkan saham awam dengan kelulusan Bursa Saham Malaysia dikehendaki mengeluarkan prospektus atau tawaran awam terlebih dahulu.

Ia bertujuan memenuhi prosedur bagi membolehkan orang awam berminat membeli saham mengetahui kedudukan kewangan, aktiviti perniagaan, pegangan aset dan pulangan dari pelaburan yang akan dibuat mereka.

## Kerajaan Persekutuan perlu buktikan keikhlasan

**SHAH ALAM** - Atas dasar keadilan dan semangat kerjasama, Kerajaan Persekutuan perlu membuktikan mereka tidak teragak-agak untuk mengambil-alih aset-aset konsesi secara undang-undang sekiranya pihak konsesi terus berdolak-dalik.

Ahli Parlimen Kapar, Charles Santiago (gambar), berkata langkah itu perlu supaya pihak konsesi patuh kepada kehendak pemerintah dan menerima tawaran RM9.65 bilion yang telah dibuat Kerajaan Negeri sebelum ini.

"Sebagai rakan kongsi dalam perjanjian ini, Kerajaan Persekutuan harus mengisytiharkan mereka akan menguatkuasakan Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA) dan bukan sekadar omong kosong," tegas Charles memetik laporan media, baru-baru ini.

Dalam memorandum persefahaman yang dimeterai baru-baru ini, kerajaan Selangor akan mengambil-alih Syarikat Bekalan Air Selangor Bhd (Syabas), Puncak Niaga Sdn Bhd, Konsortium Abbas Sdn Bhd dan Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Bhd (Splash) untuk diletakkan dibawah Kumpulan Darul Ehsan Sdn Bhd (KDEB).

Pandangan Charles itu turut disambut rakan sejawat, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara



**Langkah itu perlu supaya pihak konsesi patuh kepada kehendak pemerintah dan menerima tawaran RM9.65 bilion yang telah dibuat Kerajaan Negeri sebelum ini**

**CHARLES SANTIAGO**  
Ahli Parlimen Kapar

Tony Pua.

"Sekiranya Kerajaan Persekutuan gagal menyakinkan pihak konsesi untuk menerima tawaran Kerajaan Negeri, maka mereka harus menguatkuasakan semua kuasa yang diperuntukkan WSIA untuk mengambil-alih syarikat-syarikat itu mengikut model pampasan yang dinyatakan dalam perjanjian konsesi," katanya.

# MoU beri manfaat jangka panjang

**M**eskipun lima tawaran kepada pemegang konsesi sejak 2008 gagal mencapai persetujuan, penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Industri Air 2006 (WSIA) 2006 (Akta 655), akhirnya memuktamad penstrukturan semula industri air Selangor.

Walaupun terlalu awal untuk meramal bilakah penggabungan antara tiga syarikat rawatan air selesai sepenuhnya atau bilakah rakyat mendapat saham percuma, setidaknya satu rangka masa penyempurnaan, iaitu tiga bulan sudah ditetapkan.

Seharusnya, MoU itu detik bersejarah yang menjadi kebanggaan rakyat Selangor khususnya dan Malaysia, amnya.

Kerana ia menjadi mercu tanda bagi rekonsiliasi nasional yang dilaungkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan konsensus nasional yang dipelopori Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ya bukti jelas betapa perbezaan politik boleh diketepi untuk mencapai kata sepakat demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

## Kos penstrukturan semula industri air

Ia ditanggung Kerajaan Negeri. Terdapat dua komponen dalam harga tawaran RM9.652 bilion kepada pemegang saham empat syarikat konsesi air iaitu:

- RM1.972 bilion - nilai ekuiti ditambah pulangan 12% setahun (Komponen 1)
- RM7.68 bilion - jumlah pinjaman dan bon kepada institusi kewangan dan Kerajaan Pusat ditanggung oleh syarikat konsesi (Komponen 2)

Komponen 1 akan dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan RM2 bilion yang dijanjikan Kerajaan Persekutuan 'untuk membantu Kerajaan Negeri dalam urusan pengambilalihan ekuiti' dengan penyerahan aset berkaitan air yang 'unencumbered' milik Kerajaan Negeri (keseluruhan bernilai RM12 bilion) kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) pada nilai setara.

Komponen 2 pula akan di-



sempurnakan oleh pemindahan aset air yang 'unencumbered' milik syarikat konsesi atau pertukaran dengan pegangan ekuiti dalam Water SPV kepada PAAB pada nilai sama.

Bermakna, tiada sesen pun dibelanjakan dalam transaksi pengambilalihan. Tiada pinjaman atau pengumpulan dana perlu dibuat untuk membiayai penstrukturan semula industri air Selangor.

Malah, Kerajaan Selangor akan mendapat laba dalam bentuk tunai RM28 juta hasil transaksi pengambilalihan.

## Kebenaran bersyarat Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihannya (LRAL2)

Kerajaan Selangor sebenarnya tidak menolak LRAL2 bulat-bulat walaupun ramai kurang senang kerana ia digembar-gembur sebagai satu-satunya jalan penyelesaian untuk menjamin bekalan air berterusan.

Yang ditekankan ialah pembangunan LRAL2 berdasarkan keputusan tergesa-gesa oleh pentadbiran negeri pra-2008 tanpa mengambil kira pelbagai pilihan lain yang lebih murah, efisien dan cepat dalam memastikan bekalan air terawat mencukupi.

Walaupun awalnya projek itu dijangka menelan belanja RM3.936 bilion dan sebahagian besarnya dibiayai Japan Bank for International Cooperation (JBIC), ada penganalisis meramal kos keseluruhan boleh melonjak hingga RM9 bilion.

Sedangkan, kebanyakan prasarana LRAL2 hampir siap. Bagi mengelak pembaziran dan situasi 'gajah putih', Kerajaan Selangor menjadikan LRAL2 sebagai 'tebusan' dalam rundingan.

Antara prasarana yang 95 peratus siap ialah terowong merentasi Banjaran Titiwangsa sepanjang 44.6 km dari Sungai Semantan, Pahang ke loji rawatan di Sungai Langat, Selangor.

Ia berperanan sebagai timbal balas bagi suntikan dana Kerajaan Persekutuan secara keseluruhan RM2.909 bilion.

Perlu diingat, objektif utama ialah menstruktur semula industri air Selangor yang sangat 'fragmented'.

Penstrukturan penting demi menjamin bekalan air bersih pada harga berpatutan serta pengembalian aset air melalui tawaran awam permulaan saham dalam Water SPV.

Walaupun kelulusan pembangunan LRAL2 bakal dikeluarkan Kerajaan Selangor dalam tempoh 30 hari dari tarikh MoU 'bersifat mengikat dan tidak boleh batal', beberapa langkah kawalan dalam MoU boleh diguna pakai.

- Jawatankuasa khas projek LRAL2 yang bakal ditubuh akan dianggotai wakil Kerajaan Selangor untuk memantau pelaksanaan projek terutama dari segi kos dan kelangsungannya.
- Satu klausa dalam MoU menjamin hak mana-mana pihak untuk mengambil tindakan sewa-

jarnya seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

## Kemungkinan kenaikan tarif air

Selaras semangat dan hasrat WSIA 2006, penstrukturan semula industri air sepatutnya menyaksikan:

- Pemindahan semua aset berkaitan kepada PAAB yang akan 'membiayai kos modal pembiayaan membina aset air yang baharu, membaik pulih dan menaiktaraf aset air sedia ada.
- Pajak semula semua aset air kepada pengendali perkhidmatan air negeri dengan sewa pajakan ditentukan secara sepakat antara Kerajaan Negeri dan PAAB.

Jelas, Kerajaan Selangor memiliki kuasa menentukan kadar sewa pajakan kepada PAAB kerana kata kuncinya ialah kesepakatan.

Desakan memperbetul keadaan akibat perjanjian perswastan air yang berat sebelah selama ini, dijangka menjadi pendorong PAAB untuk tidak mengenakan sewa pajakan tinggi.

Memandangkan penetapan tarif air kekal di tangan Kerajaan Selangor, tiada ruang 'pass-through effect' berlaku selagi Pakatan Rakyat menguasai tampuk pentadbiran Selangor sekalipun sewa pajakan dinaikkan.

Sekaligus, tarif air tidak akan naik sewenang-wenangnya memandangkan rakyat ada hak bersuara sebagai pemegang saham, akan menghalang tindakan itu.

Inilah dua benteng utama yang mampu melindungi hak dan kepentingan rakyat.

Disebabkan MoU itu tiada perincian kos keseluruhan pembangunan LRAL2, Kerajaan Selangor diyakini tidak akan dipertanggungjawab untuk menanggung kos itu.

Namun, kita masih samar-samar mengenai impak Perjanjian Jual Beli Air Mentah antara Kerajaan Pahang dan Kerajaan Selangor bertarikh 22 November 2007 terhadap tarif air bagi Se-

langor, Kuala Lumpur dan Putrajaya apabila LRAL2 mula beroperasi.

Secara jujur, ada kemungkinan berlaku kenaikan tarif air di suatu hari kelak tetapi ia pada kadar yang sangat munasabah dan tidak membebankan.

## Tiga tanggungjawab sementara LRAL2 siap

- Melaksanakan program mitigasi bernilai RM909 juta dengan suntikan dana penuh oleh Kerajaan Persekutuan.
- Memulakan projek Hybrid Off River Augmentation System (HORAS) di Sungai Selangor yang dijangka membekal air bersih 600-700 juta liter sehari (MLD) atau 3 bilion liter menjelang 2020.
- Menurunkan peratusan air tidak berhasil atau non-revenue water (NRW) ke tahap memuaskan berbanding sekarang iaitu lebih 33%. Ia menjadi punca kegagalan Syabas memastikan bekalan air terawat mencukupi.

Mengambil kira semua kekangan sedia ada, MoU itu akan memberi manfaat untuk jangka masa sederhana dan panjang.

Ia tidak sekali-kali mengakibatkan penambahan langsung hutang atau implikasi kos terhadap Kerajaan Selangor kerana transaksi pengambilalihan direkayasa secara spesifik untuk mengelakkan tekanan ke atas kedudukan kewangan negeri.

Paling penting, rakyat akan terus menikmati kemudahan air berkualiti secara mampan pada harga berpatutan di samping kesinambungan polisi air percuma.

Sebagai pemegang saham, rakyat berpeluang menikmati pulangan dari pelaburan di pasaran saham dan hak menentukan hala tuju industri perkhidmatan air.

Justeru, sekalung tahniah wajar diberi kepada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Syabas!

*Azrul Azwar ialah Pengarah Eksekutif Institut Rakyat. Artikel ini pandangan peribadi penulis dan tidak mencerminkan dasar Kerajaan Selangor.*

**SHAH ALAM** - Bagi memastikan hak rakyat terus terpelihara dan dilindungi, Kerajaan Negeri kini giat menyemak semula perjanjian usahasama syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) dengan pihak swasta.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata Kerajaan Negeri akan mengenal pasti aset dan tanah milik GLC sebelum mengambil langkah memperbetulkan perjanjian yang didapati terlibat dalam urusan usahasama tidak adil.

Jika perlu Kerajaan Negeri tidak teragak-agak mengambil tindakan termasuk merampas semula tanah yang didagang-

# Perjanjian berat sebelah GLC, swasta dikaji semula

kan melalui usahasama yang tidak menguntungkan.

"Pengalaman perjanjian usahasama antara Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dengan Nusa Gapurna yang akhirnya menjadi kes mahkamah adalah satu daripada beberapa contoh perjanjian sedang disiasat dan disemak semula.

"Malah untuk PKNS sahaja, terdapat 30 perjanjian usahasama sedang disemak semula," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri mengambil langkah menyemak usahasama antara Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) dan beberapa lagi GLC

yang bekerjasama dengan syarikat swasta termasuk Talam Corporation Berhad (Talam).

Abdul Khalid berkata, kesemua GLC digalakkan untuk menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Langkah ini bagi memas-

tikan perjalanan urusniaga dibuat mengikut tatakelola betul sekaligus memastikan hak negeri terjamin.

"Kesemua GLC juga dinasihatkan supaya lebih berhati-hati dalam membuat perjanjian melibatkan pembangunan tanah dengan pihak swasta," katanya lagi.

## Dua ahli lembaga dipanggil bantu Audit

# PKNS terus siasat penjualan saham PJ Sentral

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) meneruskan siasatan dalaman terhadap anaksyarikatnya, PKNS Holdings Sdn Bhd (PHSB) bagi menyiasat kontroversi penjualan ekuiti dalam projek usahasama Nusa Gapurna-PKNS Holdings Sdn Bhd (PHSB).

Jabatan Audit Dalaman PKNS telah diarah untuk menjalankan siasatan terperinci termasuk mendapatkan maklumat dan dokumen daripada ahli-ahli lembaga PHSB yang mewakili PKNS dalam projek PJ Sentral Development (PJ Sentral) itu.

"Kita memerlukan maklumat

“

**Kita memerlukan maklumat antara lainnya untuk mengukuhkan kes rayuan PKNS di Mahkamah Rayuan bagi mengeneppikan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur**

**AZLAN MD ALIFIAH**  
Pemangku Pengurus Besar PKNS

antara lainnya untuk mengukuhkan kes rayuan PKNS di Mahkamah Rayuan bagi mengeneppikan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur baru-baru ini," kata Pemangku Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah dalam satu kenyataan.

Dua ahli lembaga yang akan dipanggil untuk membantu ialah Adun Bukit Antarabangsa Azmin Ali dan Datin Norazlina Zakaria.

Minggu lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak tuntutan saman PKNS terhadap Nusa Gapurna Development Sdn Bhd dan Malaysian Resources Corp Sdn Bhd (MRCB) kerana

melanggar perjanjian pemegang saham.

Azlan memberitahu PKNS selaku rakan kongsi utama harus diberi keutamaan keatas 70% saham Nusa Gapurna dalam PJ Sentral itu, tetapi diketepikan dan dijual kepada MRCB.

PJ Sentral merupakan projek hub pengangkutan setanding KL Sentral di ibu negara yang dianggarkan bernilai RM11 bilion. Menurut firma MIDF Research, dengan marjin 15 peratus sahaja PJ Sentral mampu mengaut untung bersih tahunan RM85.5 juta sehingga 2023.

Menteri Besar Tan Sri Abdul

Khalid Ibrahim berkata kehilangan projek itu dari tangan Kerajaan Negeri adalah kerugian besar buat rakyat Selangor.

"PKNS Holdings telah memaklumkan Nusa Gapurna bahawa mereka telah melanggar hak PHSB justeru pada 14 Jun 2013, PHSB membuat tawaran untuk membeli pegangan saham Nusa Gapurna dalam PJ Sentral," jelas Azlan.

PKNS berhasrat untuk memfailkan injuksi untuk menghentikan Nusa Gapurna melengkapkan penjualan itu.

Selangor Kini gagal mendapatkan respon daripada Azmin.





## PROGRAM KHAS MESRA RAKYAT (PKMR)

oleh  
**Y.A.B. TAN SRI DATU' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM**  
DATU' MENTERI BESAR SELANGOR  
ke  
**DAERAH HULU LANGAT**


ACARA	TEMPAT	MASA
SESI BERSAMA RAKYAT	DEWAN TAMAN MESRA, KAJANG	9.00 Pagi - 12.30 Tengah Hari
PENYAMPAIAN PROGRAM MES DAN SUKAN BERSAMA RAKYAT	DESA SRI JENARIS, KAJANG	3.30 Petang - 5.30 Petang
MALAM KESENIAN DAN KEBUDAYAAN	DATARAN KAMPUNG SG. KANTAN	8.30 Malam - 10.30 Malam

### 7 MAC 2014 (Jumaat)

### 9.00 Pagi - 10.30 Malam

selangorku

## Monsun penamat musim kemarau



**Tompok biru menunjukkan penurunan hujan yang sedikit di Semenanjung Malaysia. Gambar satelit dari Jabatan Meteorologi Malaysia**

**SHAH ALAM** - Ketibaan musim monsun peralihan pada pertengahan Mac ini dijangka akan mengakhiri fenomena panas dan kering yang melanda negara sejak Januari lalu.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) berkata, monsun peralihan akan membawa taburan hujan yang lebih menyeluruh terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia.

“Hujan yang berlaku pada masa ini hanya melibatkan beberapa kawasan sahaja dan ia tidak mampu memberi kesan pengurangan yang ketara kepada keadaan cuaca.

“Keadaan cuaca panas dan kering ini dijangka akan berakhir menjelang pertengahan atau penghujung Mac apabila bermulanya musim monsun peralihan,” menurut kenyataan mereka.

Menurut statistik, suhu ter-

tinggi yang pernah dicatatkan di Selangor adalah 36°C iaitu di Stesen Meteorologi Sepang pada 22 Februari dan di Stesen Meteorologi Petaling Jaya pada 1 Mac.

MetMalaysia menjelaskan keadaan cuaca panas seperti itu adalah normal dan ia lebih rendah berbanding suhu yang dicatat pada 1997 ketika fenomena El-Nino.

“Cuaca panas yang berlaku ketika ini adalah disebabkan oleh ketiadaan hujan bagi tempoh yang panjang di kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia.

“Jumlah awan yang kurang diruang angkasa pada siang hari turut membenarkan sinaran terik matahari terus sampai ke bumi, sekaligus meningkatkan suhu udara dengan cepat,” jelas kenyataan itu lagi.

Bagaimanapun cuaca panas yang melanda ketika ini masih belum mencapai tahap ‘gelombang panas’.

# Krisis bukan bencana alam, tapi angkara Syabas

OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Krisis air Selangor bukan kerana kemarau, sebaliknya berpunca dari ketidakupayaan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) mengurangkan air tidak terhasil (NRW) sejak tahun-tahun kebelakangan ini, jelas Adun Damansara Utama Yeo Bee Yin.

Bee Yin mengandaikan sekiranya Syabas berjaya meningkatkan prestasi NRW, krisis hari ini pasti tidak akan berlaku.

“Jika pada tahun-tahun kebelakangan ini, Syabas telah dapat meningkatkan prestasi

“

**Jika pada tahun-tahun kebelakangan ini, Syabas telah dapat meningkatkan prestasi NRW dengan hanya 5 peratus, krisis semasa tidak akan berlaku**

**YEO BEE YIN**  
Adun Damansara Utama

NRW dengan hanya 5 peratus, krisis semasa tidak akan berlaku. Kejayaan itu mampu menyelamatkan kira-kira 2.2 juta penduduk di Lembah Klang dari kesulitan catuan air,” jelasnya dalam satu kenyataan kepada Selangor Kini.

Menurut beliau, pelbagai usaha diselamatkan dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu Syabas tetapi paras NRW masih kekal pada paras 33 peratus sejak 2007.

Sebelum ini, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM120 juta ‘soft-loan’ untuk menaiktaraf prasarana pada bulan Februari tahun lepas, dan RM151 juta lagi pada bulan Oktober tahun yang sama.

“Apa hasil jutaan ringgit ini mengurangkan NRW dan mengapa rakyat masih mengalami masalah air?” soal Bee Yin.



## LUAS: Sembilan bulan untuk isi empangan hingga penuh

“

**Berdasarkan trend pada tahun-tahun sebelumnya, hujan antara akhir bulan September hingga Disember sahaja akan mengisi empangan sehingga 80 peratus**

**KHAIRI SELAMAT**  
Pengarah LUAS



**SHAH ALAM** - Sekurang-kurangnya satu jam hujan setiap hari dalam tempoh sembilan bulan diperlukan untuk mengisi empangan, jelas Lembaga Urus Air Selangor (Luas).

Pengarahnya, Mohd Khairi Selamat berkata kehadiran hujan lebat di beberapa kawasan sejak dua hari lalu tidak membantu meningkatkan tadahan air di empangan yang merosot teruk akibat fenomena panas dan kering yang melanda Selangor sejak Januari lalu.

“Berdasarkan trend pada tahun-tahun sebelumnya, hujan antara akhir bulan September hingga Disember sahaja akan mengisi empangan sehingga 80 peratus” jelasnya.

Untuk rekod, bacaan di empangan Klang Gates kini 53.26 peratus manakala bacaan di empangan Langat adalah 70.95 peratus. Empangan Batu mempunyai 91.17 peratus daripada rizab manakala Tasik Subang mempunyai 94.91 peratus.



Dr Daroyah mengedarkan topeng percuma kepada pengguna jalan raya di Kapar

## Kerjasama orang ramai diperlukan untuk atasi jerebu

OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri mengedarkan 100,000 topeng muka di seluruh Selangor untuk kegunaan orang ramai berikutan paras Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang membimbangkan.

Exco Kesihatan, Dr Daroyah Alwi, berkata, ia diagihkan kepada semua Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) di DUN dan orang ramai boleh mendapatkannya dengan kadar segera.

“Ia diberikan percuma dan kuantitinya akan ditambah dari masa ke masa bergantung kepada keadaan semasa jerebu,” katanya.

Hampir semua kawasan di Selangor dan Lembah Klang mencatat bacaan IPU tidak sihat mutakhir ini. Jerebu dikhuatiri memberi kesan buruk kepada semua orang terutama golongan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, warga emas dan mereka yang menghidap penyakit asma, paru-paru atau jantung.

Rakyat dinasihatkan mengurangkan aktiviti luar rumah selain meningkatkan pengambilan air bagi mengekalkan kesihatan. Golongan yang menghadapi masalah kesihatan juga dinasihatkan mendapatkan rawatan segera selain mengambil ubat-ubatan dengan teratur.

“Pengguna jalan raya pula dinasihati menjaga jarak antara kenderaan dan elakkan memandu jika jarak penglihatan kian teruk,” katanya.

Selain itu katanya, perokok diminta mengurangkan tabiat mereka selain mengelakkan merokok di kawasan tertutup seperti di rumah.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Che Gayah Ismail menolak tanggapan bahawa keadaan sekarang berkaitan dengan pencemaran udara yang berlaku di Riau, Sumatera.

Punca sebenar pencemaran udara, katanya, adalah pembakaran terbuka, kebakaran hutan dan tanah gambut, pencemaran daripada kenderaan dan aktiviti perkilangan, dan diterukkan lagi oleh cuaca panas dan kering.

“Ia adalah pembakaran kita sendiri, asap kita sendiri yang menyebabkannya,” kata Che Gayah kepada The Malaysian Insider.

“Cuaca kering meninggalkan jerebu di udara kerana tidak ada mekanisme pembersihan udara. Dan setiap hari, kita menambahkan (pencemaran) dengan asap,” kata beliau.

Che Gayah berkata, arah angin menjadikannya mustahil untuk menyimpulkan asap yang melanda Lembah Klang disebabkan oleh situasi di Riau.

“Kita sedang mengalami Monsun Barat Laut. Oleh itu, tiupan angin adalah ke arah barat laut. Ini bermakna, walaupun Sumatera mengalami keadaan jerebu yang teruk, asap tidak akan bergerak ke arah kita,” katanya, sambil menambah situasi jerebu di antara sempadan hanya akan berlaku ketika Monsun Timur Laut.

Sementara itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor mengumumkan berlaku kebakaran di hutan simpan Bukit Belata dan Hutan Rizab Raja Musa, Kuala Selangor memabitkan kawasan seluas kira-kira 159 hektar.

Penguasa Bomba Zon 6 Selangor, Penguasa Bomba Haikal Md Kasri berkata, kebakaran hutan berkenaan bermula sejak 24 Februari dan berpunca daripada kebakaran di kebun kelapa sawit sebelum merebak ke kawasan hutan.

“Kawasan kebakaran meningkat disebabkan faktor seperti angin, keadaan cuaca kering dan pelbagai faktor lain,” katanya dipetik Sinar Harian.

Haikal berkata, pihaknya sedang berusaha untuk mengelak kebakaran daripada merebak dengan menggunakan pelbagai teknik seperti ‘fire break’ dan ‘direct attack’.

Menurutnya, seramai 120 anggota termasuk pegawai daripada balai bomba dan penyelamat Kuala Kubu Bharu, Ampang, Kajang, Selangor dan Zon Ulu Selangor terlibat dalam operasi pemadaman kali ini.

“Kami juga menerima banyak bantuan daripada pelbagai agensi seperti Jabatan Perhutanan Ulu Selangor, Pejabat Daerah Kuala Selangor dan Ulu Selangor, Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) serta agensi lain.

## MoU air: Kemenangan yang dinista

Sepatutnya, memo-randum persefahaman (MoU) antara kerajaan Selangor dan Kerajaan Pusat yang membenarkan penstrukturan semula industri air di Selangor, disambut dengan sorak gembira.

Tentulah. Masalah industri air telah membelenggu sekian lama, sejak 2008 hingga akhir tahun lalu. Dan akhirnya, kemenangan dilakar jua.

Tapi tidak. Piala yang direbut-rebut dengan susah payah, dijadikan pertikaian sana sini.

Ibarat pelumba marathon yang memecut awal, kemudian menang dan saat mahu mengucup piala, teknik larian dipersoal. Mengapa pecut awal dan mendadak?

Tapi, bukankah kemenangan sepatutnya dirai, bukan dinista?

Apatah lagi, MoU itu tetap memberi jaminan air percuma dengan kawalan aset air terjamin, malah kerajaan Selangor ada ‘tangan’ dalam Projek Langat 2.

Bermakna, Kerajaan Pusat tiada genggam penuh dalam Projek Langat 2, sedangkan kerajaan Selangor memiliki kuasa mutlak dalam menentukan tarif air.

Sebaliknya, pelbagai andaian bersahut-sahutan.

Tak kurang juga yang mendesak supaya kandungan MoU didedah kepada umum, seolah-olah mempertikai integriti ketulusan kerajaan Selangor yang mereka sanjung selama ini.

Namun, itu bukan masalah. Bila-bila masa Kerajaan Selangor, satu-satunya negeri di negara ini yang mewartakan Enakmen Kebebasan Maklumat, sedia membentang intipati MoU.

Malah, Tan Sri Khalid Ibrahim, sudah menyatakan kesediaan berbuat demikian pada sidang media sama dengan pengumuman jaminan tarif air tidak akan naik dalam tiga tahun.

Tidak hairanlah, rakyat - yang jauh daripada kepentingan politik, begitu teruja dengan MoU itu, malah melontar cadangan supaya mengambil alih itu dan ini supaya kebajikan rakyat lebih terjamin.

Bukan seperti segelintir pihak berkepentingan. Licik bermain spekulasi dengan memanipulasi maklumat supaya dipandang bijak. Sedangkan, kepintaran sebenar letaknya di padang realiti.

Pedulikan mereka. Kerana kemenangan ini dikejar untuk rakyat, bukan segelintir orang.

*Ketua Pengarang*

### Selangor Kini

#### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit

**PENGARANG BERITA:** Hafizh Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com



▲ Adun Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan (kemeja putih) menjamu selera bersama ibu bapa murid dalam program Santai di Tadika Pasti At-Taqwa, Kampung Endah, Tanjung Sepat



▲ Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi, bersama pelajar taekwondo sewaktu majlis perasmian Karnival Usahawan Bukit Melawati. Hadir sama Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar dan Adun Ijok, Dr Idris Ahmad serta penyelaras DUN Bukit Melawati, Manikavasagam



▲ Adun Balakong, Eddie Ng Tien Chee, bersama wanita Taman Cheras Jaya, fasa 7, sewaktu program gotong-royong

▲ Buat pertama kalinya Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) ditubuhkan di Selangor. Kelihatan Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Samad, serta pimpinan PAS Selangor, merasmikan premis tersebut



▲ Kursus MyKerja anjuran bersama Pernecc dan Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang. Kelihatan Adun Hulu Kelang, Saari Sungib, bergambar bersama peserta program



## Dialog penduduk rapatkan pemimpin dan rakyat

**SUBANG JAYA** - Dalam usaha menangani isu dan permasalahan setempat, satu majlis dialog bersama penduduk diadakan di Taman Permainan Wangsa Baiduri di sini baru-baru ini.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata pihaknya turut memanggil wakil pihak berkuasa menyertai dialog bagi mendengar sendiri keluhan penduduk setempat.

“Kita juga bincang dan jelaskan isu-isu terkini di Selangor, termasuk isu air dan denggi yang berada di tahap membimbangkan ketika ini.

“Turut dibincangkan ialah isu cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Hadir sama dalam dialog itu, Ahli



Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen, Ketua Balai Polis Subang SS17, Inspektor Sulaiman Baputty dan Ketua Balai Bomba SS17, Norizan Abu Bakar.



**Hannah Yeoh**  
Adun Subang Jaya

## Mata anugerah tidak ternilai



**SHAH ALAM** - Penjagaan mata perlu dilakukan supaya penglihatan sentiasa jelas, memandangkan ia anugerah tidak ternilai kepada semua manusia.

Menyedari hakikat ini, ADUN Kota Alam Shah, Ganabairau menjalankan tanggungjawab sosial dengan menganjurkan sesi pemeriksaan mata percuma untuk warga Kota Alam Shah.

Pemeriksaan mata itu diken-

**Ganabairau**  
Adun Kota Alam Shah

dalikan pakar mata dari Hospital Tun Hussein Onn.

“Seiring dengan kesedaran yang semakin meningkat, kami yakin orang ramai akan lebih proaktif dalam menjaga kesihatan mata dan mendapatkan rawatan seawal mungkin,” kata Ganabairau

## Gotong-royong eratkan persaudaraan

**SHAH ALAM** - Badan Pengurusan Bersama (JMB) Blok Mawar dan Cempaka, Bandar Baru Klang dengan kerjasama DUN Kota Anggerik, menganjurkan Program Gotong-Royong di kawasan yang sering memenangi anugerah daripada Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Difahamkan, Pangsapuri tersebut dicalonkan antara lima pangsapuri perintis untuk anugerah khas daripada Kerajaan Negeri.

Sementara itu, ADUN Kota Anggerik, YB Dr. Yaakob Sapari yang turut serta dalam aktiviti tersebut berkata, budaya gotong-royong di kalangan masyarakat perlu diadakan demi kebaikan semua pihak.

“Hidup di bandar bukan alasan kita meminggirkan go-



tong-royong, sebaliknya terus berusaha kerana banyak kerja dapat diselesaikan dengan berkerjasama antara satu sama lain,” katanya.

**Dr Yaakob Sapari**  
Adun Kota Anggerik



**Hasbullah Ridzwan**  
Adun Gombak Setia

**GOMBAK** - Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Gombak Setia dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Gombak, mengadakan Kempen Ops Denggi di tapak Pasar Malam Taman Greenwood.

Program yang dihadiri Adun Gombak Setia, Has-

## Lipat ganda usaha banteras wabak denggi

ullah Ridzwan, bermula dengan taklimat dan seterusnya edaran risalah kempen dan ubat jentik-jentik kepada orang ramai.

Hasbullah berkata, kempen tersebut bertujuan menyedarkan orang ramai akan kepentingan kebersihan kawasan sekitar agar bebas dari-

pada apa jua cara yang membolehkan pembiakan nyamuk aedes.

Beliau turut menggesa orang ramai agar meluangkan masa 10 minit setiap minggu untuk membersihkan kediaman masing-masing bagi memastikan ia bebas daripada nyamuk aedes.

# Cantas birokrasi bantu pemilik pangsapuri dapat hak milik

OLEH NAZLI IBRAHIM

**KAJANG** - Kerajaan Selangor akan memastikan urusan pemilikan hartanah berstrata bagi mendapatkan sijil hak milik strata yang sebelum ini berhadapan dengan pelbagai kerenah birokrasi akan diatasi.

"Selangor akan perbaiki birokrasi untuk pengeluaran strata supaya pemilik pangsapuri boleh dapat dengan cepat.

"Kalau ikut birokrasi sedia ada dalam pengeluaran strata, sampai tiga generasi tidak boleh keluar lagi," kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Perhimpunan Perdana Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) dan Anugerah Komuniti Bestari 'K-Star' Pangsapuri Negeri Selangor di Kolej Universiti Islam

Selangor (KUIS), baru-baru ini.

Kira-kira 200 anggota pengu-rusan menyertai himpunan itu.

"Kerajaan Negeri sesungguhnya mengiktiraf pengalamannya ahli jawatankuasa yang hadir pada hari ini kerana sanggup berkorban masa dan tenaga tanpa dibayar elaun atau upah, selain kerap berhadapan dengan penghuni pelbagai ragam," katanya.

Beliau berkata, menggalas tanggungjawab sebagai ahli jawatankuasa adalah satu tanggungjawab berat memandangkan terpaksa menangani pelbagai masalah daripada penduduk yang mempunyai pelbagai latar belakang.

Dalam majlis penyampaian anugerah, Pangsapuri Tun Teja di Rawang dipilih sebagai pemenang pertama bagi kategori 'K-Star' dan diikuti pemenang bersama tempat kedua, Pangsapuri Anggerik dan Pangsapuri Nusa Kurnia.



Wakil Pangsapuri Anggerik, gembira dengan anugerah yang diterima

## Latihan sambil kerja raih pendapatan RM1,500

**KAJANG** - Golongan belia Selangor yang terpilih menyertai program latihan sambil bekerja anjuran Kerajaan Negeri akan menerima pendapatan minima RM1,500 sebulan.

Program pembelajaran teori dan amali di beberapa kolej itu turut membabitkan latihan sambil kerja di pangsapuri yang diurus syarikat milik Kerajaan Negeri, antaranya program latihan sebagai juruteknik paip, juruteknik elektrik dan menyelenggara serta membaiki lif.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata latihan itu adalah sebahagian daripada program pembangunan desa dan bandar yang dilancarkan Kerajaan Negeri pada hujung tahun lalu dengan peruntukan RM50 juta.

"Kerajaan negeri bercadang tiga atau empat juruteknik yang akan menolong menyelenggara pangsapuri.

"Kita berikan latihan selama enam bulan di kolej dan kemudian dihantar ke pangsapuri untuk

menjalani latihan sambil kerja. Ada banyak kolej yang sedia menawarkan tempat untuk peserta ini seperti Kolej Antarabangsa Inpens (Industri Pendidikan Negeri Selangor)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Perdana Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) dan Anugerah Komuniti Bestari 'K-Star' Pangsapuri Selangor 2013, baru-baru ini.



Kelihatan YDP MPSJ, Dato Asmawi Kasbi dan YDP MPS, Mohd Azizi Mohd Zain, hadir mewakili PBT masing-masing

## Kurikulum khas tingkat urus tadbir pangsapuri

**KAJANG** - Satu kurikulum khusus untuk membimbing badan pengurusan pembangunan berstrata akan disediakan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk memastikan urus tadbir pangsapuri yang berkesan.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad, berkata Format Kurikulum Pembangunan Berstrata (Fokus) itu akan memastikan pangsapuri diurus secara profesional oleh Badan Pengurusan Bangunan (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC), serta mengurangkan perselisihan antara kedua-dua entiti itu dan Persuruhjaya Bangunan.

"Dijangkakan kurikulum ini akan disiapkan dalam masa tiga bulan dan selepas itu Pesuruhjaya Bangunan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menganjurkan kursus kepada Badan Pengurusan Bangunan (JMB) dan Perbadanan

**Kurikulum itu akan menyentuh isu pengurusan bangunan strata, pentadbiran organisasi, pengurusan kewangan dan perhubungan awam**


Pengurusan (MC) berdasarkan kurikulum ini," katanya.

Beliau berkata demikian di Perhimpunan Perdana JMB/MC dan Anugerah Komuniti Bestari 'K-Star' Pangsapuri Negeri Selangor 2013, baru-baru ini.

Kurikulum itu akan menyentuh isu pengurusan bangunan strata, pentadbiran organisasi, pengurusan kewangan dan perhubungan awam.

Menurut beliau kursus itu akan dianjurkan sekurang-kurangnya dua kali setahun di kawasan masing-masing.

# MULTIPLE CAMP FIRE UNISEL 2014



SERAMAI 41 orang pelajar Universiti Selangor (Unisel) telah menyertai "Multiple Camp Fire 2014" di D' Puncak Lui, Hulu Langat Selangor. Program ini diadakan selama 3 hari 2 malam pada 28 Februari hingga 2 Mac 2014. Program Multiple Camp Fire 2014 ini adalah anjuran Kelab Overseas Academic Tour (OAT) Unisel dimana ahli-ahlinya terdiri daripada Fakulti Perniagaan. Program ini bertujuan untuk:

- Mewujudkan semangat bekerjasama antara sepasukan dan komitmen yang tinggi diantara ahli-ahli jawatankuasa program;
- Memberikan lebih pendedahan kepada pelajar tentang pengurusan masa serta memberi peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan segala pengetahuan yang mereka terima;
- Mengukuhkan ukhuwah dikalangan peserta Unisel serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara sesama mereka tanpa mengira perbezaan agama, bangsa dan umur;
- Disamping dapat meningkatkan kekuatan mental, program ini juga menguji ketahanan fizikal para peserta, ia juga dapat membantu mencergaskan fizikal dan mental parapeserta;
- Bertukar idea dengan para peserta antara satusama lain.

Program dirasmikan oleh En. Fadhil Majid yang mewakili Penasihat Kelab Overseas Academic Tour (OAT) Unisel, Puan Rosmawati Bt Mahfar. En. Fadhil Majid dari Excellent Network Resources yang mengendalikan beberapa acara dalam program ini. Di dalam ucapannya antara lain beliau menyarankan bahawa dengan adanya program ini dapat membina serta membentuk keperibadian diantara peserta supaya menjadi orang yang bertanggungjawab kepada masyarakat kelak, lebih-lebih lagi apabila mereka sudah tamat pengajian dan berkhid-



**unisel**  
UNIVERSITI SELANGOR

mat kepada masyarakat.

Antara aktiviti adalah permainan "War Games", permainan ini yang merupakan permainan ala tentera bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama antara kumpulan. Pada hari kedua pula, seawal 4 pagi diadakan pula acara "Imsak Trekking" dimana acara ini menguji ketahanan jiwa, mental, rohani dan jasmani para peserta kerana setiap peserta dikehendaki untuk berjalan seorang diri dalam jarak yang tertentu dalam keadaan yang gelap dengan hanya berpandukan sebatang lilin sahaja.

Malam kemuncak yang dinantikan para peserta di Multiple Camp Fire 2014 ini ialah "Malam

Mini Teater Muzikal", acara ini merupakan acara dimana setiap kumpulan diberi tugas yang berbeza untuk membuat persembahan iaitu persembahan Raja Lawak, Muzikal dan Bebas. Acara ini dibuat di kawasan lapang dimana para peserta membuat persembahan mengelilingi unggun api, acara ini bertepatan dengan tema program iaitu Multiple Camp Fire 2014.

Pada hari terakhir, satu lagi acara yang tidak dapat dilupakan dan paling digemari oleh parapeserta ialah "Running Man". Acara ini adalah gabungan program realiti Running Man dan Fear Factor dimana pihak pengurusan iaitu Kelab Overseas Academic Tour (OAT) Unisel menggabungkan kedua aktiviti dari program realiti itu dan telah memberikan satu impak yang besar dan berjaya mengusik hati setiap peserta.

Rata-rata para peserta merasa seronok dengan aktiviti ini kerana mereka dapat bertemu dengan rakan-rakan baru, dapat memupuk semangat kerjasama dan membina keyakinan diri, mereka juga merasakan seperti satu keluarga di antara para peserta dan juga urusetia.

Pengarah Program Multiple Camp Fire 2014 ini ialah Wan Adila Noor Bt Wan Ab Aziz dari jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri, beliau melahirkan rasa syukur



kerana para urusetia dan parapeserta telah memberikan kerjasama yang luar biasa sehingga program ini berjalan dengan lancar dan menjadi satu program yang diingati dan menjadi satu kenangan manis kepada semua yang terlibat.

Manakala Penasihat Kelab Overseas Academic Tour (OAT) Unisel,

Puan Rosmawati Bt Mahfar dan Encik Zainal Azhar Bin Zainal Azim berpuashati dengan kejayaan program kali ini dan berharap dapat mengadakan program ini di masa yang akan datang dengan menambahkan acara-acara yang lebih mantap lagi demi untuk kecemerlangan pelajar-pelajar Unisel, Selangor.



# Tan Sri Ismail Adam dilantik Pro-Canselor UNISEL

**SHAH ALAM** - Tokoh penjawat awam, Tan Sri Ismail Adam dilantik semula sebagai Pro-Canselor Universiti Selangor (Unisel) bagi penggal kedua.

Beliau memikul amanah itu semenjak 2011 dan perkhidmatannya diteruskan sehingga 7 Mac 2017.

“Berebekal pengetahuan dan pengalaman beliau dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran negara, Tan Sri Ismail mampu membantu peneraju kepimpinan Unisel meningkatkan fungsi universiti sebagai hab ilmu yang berwibawa baik di Selangor mahupun di peringkat antarabangsa,” menurut kenyataan Unisel.

Watikah perlantikan dise-

rahan sendiri oleh Canselor Unisel Raja Arshad Raja Tun Uda dan disaksikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Exco Pendidikan Dr Halimah Ali, Pro-Canselor Dr Anuar Masduki serta Presiden Unisel, Prof Dr Anuar Ahmad.

Ismail merupakan mantan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia dan berpengalaman luar dalam pengurusan sumber manusia dan dasar-dasar kerajaan.

Abdul Khalid dalam ucapannya berharap Unisel bertambah maju melalui usaha rejuvenasi budaya akademia yang sebenar yang merayakan maklumat dari pelbagai sumber.



Raja Arshad Raja Tun Uda, menyerahkan watikah perlantikan kepada Tan Sri Ismail Adam (kanan)



## MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN

### PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-35 TAHUN 1435H/2014M

“Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah”

**10 Mac 2014 : Majlis Perasmian  
YAB DATO' MENTERI BESAR  
SELANGOR**

**14 Mac 2014 : Majlis Perasmian Penutup  
DULI YANG MAHA MULIA  
SULTAN SELANGOR**

**11 - 13 Mac 2014 :**  
**8.30 Pagi - 11.00 Pagi**  
**Majlis Menghafaz Al-Quran**  
**8.30 Malam - 11.00 Malam**  
**Majlis Menghafaz Al-Quran**

Dewan Auditorium MBSA, Shah Alam, Selangor  
 8-12 Jamadilawal/ 10-14 Mac 2014



**Muslimin Dan  
Muslimat  
Dijemput Hadir**

# Lumba Basikal Kriterium Shah Alam cungkil bakat baru

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Pertandingan Lumba Basikal Kriterium Shah Alam 2014 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dimeriahkan dengan penyertaan pelumba basikal negara, Anuar Manan.

Timbalan Pengarah Korporat MBSA, Shahrin Ahmad berkata, Anuar juga berjaya mengulangi kejayaan tempat pertama yang diunggulinya pada tahun lepas dalam Kategori Lelaki Terbuka.

“Pihak MBSA akan meneruskan pertandingan ini pada masa akan datang dalam usaha untuk memperbanyakkan aktiviti sukan dan rekreasi di bandar raya Shah Alam.

“Di samping itu, kita juga berpeluang mencungkil bakat baru di dalam sukan basikal untuk diketengahkan di pe-

ringkat nasional dan antara-bangsa,” katanya.

Berlangsung pada 22 Februari lepas dan bertempat di Jalan Selatan, Persiaran Tasik, Pertandingan Lumba Basikal Kriterium terbahagi kepada dua kategori utama, iaitu basikal lumba dan basikal bukit.

Pertandingan pada tahun ini juga menyaksikan persaingan sengit di antara para peserta dalam tujuh kategori yang dipertandingkan.


Setiap kategori juga terbahagi kepada tiga kategori sampingan yang lain iaitu Lelaki Senior Veteran, Lelaki Terbuka dan Wanita terbuka.

Antara lain, bagi kategori basikal lumba Lelaki Terbuka, selain Anuar Manan, tempat kedua dimenangi Ahmad Haider dan tempat ketiga pula dimenangi Epic Timothy.



Peserta Lumba Basikal Kriterium memulakan kayuhan dengan penuh semangat

## PERKHIDMATAN BAS KOMUNITI MBSA



**Hari Operasi:**  
Isnin - Jumaat

**Waktu Operasi:**  
- 7.30 pagi  
- 11.30 pagi  
- 4.30 petang

**Stesen Tetap:**

Hentian Pusat Bandar  
(Belakang Maybank),  
Seksyen 14, Shah Alam

Sila rujuk peta laluan yang disediakan. Semua warga Shah Alam boleh menggunakan perkhidmatan ini

JADUAL 1: GOMBAK ZON 1		JADUAL 1: GOMBAK ZON 2	
Taman/Kawasan	Jumlah	Taman/Kawasan	Jumlah
Taman Keramat AU 1	2,573	Kg Sungai Merali	903
Taman Keramat AU2	2,772	Kg Puah	391
Taman Keramat AU4	1,747	Kg Pandan Balang	3,058
Taman Keramat AU5	1,311	Kg Bandar Dalam	34
Seksyen 10 Wangsa Maju	1,451	Taman Ibukota	1,941
Villa Wangsa Maju	900	Air Panas Setapak	1,684
Bukit Wangsa Mas	110	Taman Setapak	1,934
Bandar Manjalara	3,704	Kg Lee Kong Chian	80
Sunway Harmoni	100	Kg Sungai Mulia	993
Sunway SPK	1,047	Taman Suria Setapak	70
Desa Aman Puri	1,730	Taman Setapak Permai	102
Taman Industri Ehsan Jaya	348	Kg Kuantan Gombak	52
Seksyen 5 Wangsa Maju	548	Taman Bukit Maluri	3,267
Seksyen 6 Wangsa Maju	612	Sektor A Bandar Sri Damansara (SD 7 – SD 13)	7,181
Seksyen 10 Wangsa Maju	1,451	Seksyen 1, Wangsa Maju	2,770
Villa Wangsa Mas	900	Seksyen 2, Wangsa Maju	2,830
Sebahagian kawasan AU4 Keramat	102	Seksyen 4, Wangsa Maju	1,123
Tmn Bukit Wangsa Mas	110	Danau Kota (kawasan A)	294
<b>JUMLAH PINTU RUMAH</b>	<b>21,516</b>	Jln Usahawan	40
		Wangsa Melawati	2,013
		Wangsa Delima	144
		<b>JUMLAH PINTU RUMAH</b>	<b>30,904</b>

JADUAL 6: HULU SELANGOR	
Taman/Kawasan	Jumlah
<b>ZON 1</b>	
Seluruh Bukit Beruntung	12,888
Seluruh Bukit Sentosa	9,892
Seluruh Sg. Buaya	2,765
Seluruh Bukit Teratai ( Estate)	400
Seluruh Bandar Country Home	8,734
Seluruh Taman Desa Mas	919
Seluruh Saujana Rawang	249
Seluruh Taman Teknologi	14
Seluruh Taman Velox	632
Seluruh Batu Arang	1,892
Seluruh Kota Puteri	851
Seluruh Sg. Bakau	456
Seluruh Emerald	1,561
Seluruh Taman Garing	1,696
Seluruh Rawang Intergrated / Sg. Dua	1,657
<b>JUMLAH PINTU RUMAH</b>	<b>44,606</b>
<b>ZON 2</b>	
Seluruh Rasa	1,842
Seluruh Bandar Baru Batang Kali	3,114
Seluruh Tamu Hill Park	630
Seluruh Taman Semarak Batang Kali	422
Seluruh Kawasan Perindustrian MIEL	43
Seluruh Taman Desa Alam Ria	259
Seluruh Taman Bukit Rawang Jaya	1,602
Seluruh Taman Bukit Rawang Putra	1,028
Seluruh Taman Mutiara	116
Seluruh Bandar Baru Rawang	872
Seluruh Kg. Rajah/Pekan	548
Seluruh Kg. Kenanga Rawang	129
Seluruh Kg. Sg. Terentang/Kg. Baru	488
Seluruh New Green Park/Taman Sri Hijau	937
Seluruh Jalan Pahang/ Maktab Polis KKB	270
Seluruh Taman Arif/Teratai KKB	404
Seluruh KKB Utama	81
Seluruh Kg. Dagang Setia/ Kg. Kelapa KKB	84
Seluruh Taman Ampang Pecah KKB	435
Seluruh Taman Ampang Indah KKB	107
Seluruh Taman Millenium KKB	478
Seluruh Taman Damai KKB	198
Seluruh Bukit Bujang KKB	242
Seluruh Taman Tanjak	288
Seluruh Taman Desa Rening Jaya	135
Seluruh Kerling	639
Seluruh Hulu Bernam	677
Seluruh Taman Bernam Jaya	478
Seluruh Taman Keliang Kalumpang	122
Seluruh Taman Bahtera Hulu Bernam	798
Seluruh Kg. Pinang Hulu Bernam	35
Seluruh Kuang	4259
Seluruh Kundang	4,924
Seluruh Tasik Puteri	9,049
Seluruh Serendah	4,296
Seluruh Ulu Yam Lama	851
Seluruh Antara Gapi	1,413
Seluruh Sungai Choh	1,427
<b>JUMLAH PINTU RUMAH</b>	<b>43,716</b>

JADUAL 3: PETALING ZON 1	
Taman/Kawasan	Jumlah
Desa Petaling	2,500
Kampung Malaysia	1,400
Taman Salak Selatan	4,700
Kampung Baru Salak Selatan	2,000
Taman Gembira	4,600
Keseluruhan Jalan Kuchai Lama	7,300
Taman Lian Hoe	300
Taman Salak Jaya	1,000
Pantai Dalam	7,142
Mah Sing U5	10,578
Tropicana Golf	1,130
<b>JUMLAH PINTU RUMAH</b>	<b>42,650</b>

JADUAL 5: KUALA SELANGOR			
<b>ZON 1</b>			
Taman/Kawasan		Jumlah	
Kawasan Sungai Darah (Kiri dari Batang Berjuntai)		9,402	
Sepanjang Jalan Raja Musa dari Batang Berjuntai hingga ke Batu 7 Tanjung Karang			
UNISEL dan Taman Ilmu			
Kampung Bestari Jaya			
Seluruh Kawasan Bukit Belimbing dan Hujung Permatang			
Seluruh Kawasan Tanjung Karang dari Pasir Penambang ke Pekan Tanjung Karang			
Sungai Gulang-Gulang dan Parit Serong			
Sungai Tenggi Kanan			
Seluruh kawasan Puncak Alam Fasa 1,2,3 dan Shah Alam 2			11,759
<b>JUMLAH PINTU RUMAH</b>			<b>21,161</b>

JADUAL 3: PETALING ZON 2	
Taman/Kawasan	Jumlah
Seksyen 1, Petaling Jaya	1,333
Seksyen 2, Petaling Jaya	1,536
Seksyen 3, Petaling Jaya	482
Seksyen 5, Petaling Jaya	2,790
Seksyen 6, Petaling Jaya	678
Seksyen 7, Petaling Jaya	145
Seksyen 8, Petaling Jaya	878
Seksyen 9, Petaling Jaya	162
Seksyen 18, Petaling Jaya	350
Seksyen 51A	1,500
Taman Sri Sentosa	4,800
Kampung Pasir Baru	500
Taman OUG	5,000
Taman Yarl	1,000
Taman Perindustrian Bukit Jalil	200
PPRT Kampung Muhibbah	1,600
Ara Damansara	4,016
Bandar Utama 1 - 11	5,790
<b>JUMLAH PINTU RUMAH</b>	<b>32,760</b>

<b>ZON 2</b>			
Taman/Kawasan		Jumlah	
Kawasan Sungai Darah (kanan dari Batang Berjuntai)		5,900	
Pekan Batang Berjuntai			
Batu 7 Ijok Dari Jalan Datuk			
Muskam Hingga Bukit Badong			
Bukit Badong			
Sepanjang Jalan Rawang dari Pekan Batang Berjuntai hingga Kg Kuantan			
Jalan Kelab			
Jalan Bukit Rotan			
Seluruh Bandar Seri Coldfields / Desa Coldfields Sungai Buloh			6,007
Seluruh Seri Pristana			
Seluruh Alam Perdana			
Kampung Sentosa			
Kampung Seri Aman			
Saujana Utama 3			
Taman Alam Jaya			
Kawasan Industri Batu 23, Ijok			
Jalan Meru Puncak Alam (Mc Donalds)			
<b>JUMLAH PINTU RUMAH</b>		<b>11,907</b>	

JADUAL 4: KLANG/SHAH ALAM			
<b>ZON 1</b>		<b>ZON 2</b>	
Taman/Kawasan	Jumlah	Taman/Kawasan	Jumlah
Sg Kapar Indah	3,369	Taman Aman Perdana	2,216
Bandar Bukit Rajah	5,302	Bandar Setia Alam	316
Putra Height/ Bukit Lancung	12,998	Seksyen 27	11,200
Bukit Tinggi 1	12,972	Seksyen 28	5,532
Bukit Tinggi 2	12,418	Megahub	300
Bandar Botanik	6,417	<b>JUMLAH PINTU RUMAH</b>	<b>19,564</b>
Bandar puteri	3,962		
<b>JUMLAH PINTU RUMAH</b>	<b>57,438</b>		

**TEMPOH PERLAKSANAAN PELAN PENGAGIHAN AIR BERJADUAL**  
Bermula 27 Februari 2014 (Khamis) hingga 31 Mac 2014 (Isnin). Tempoh ini tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa oleh Kerajaan Negeri Selangor dan SPAN.  
Kawasan yang terlibat di Gombak, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor dan Hulu Selangor dibahagikan kepada 2 zon seperti dalam JADUAL 1-6.

**JADUAL PENGAGIHAN**  
Jadual pengagihan berdasarkan konsep: dua (2) hari dapat air dan dua (2) hari tiada air. Untuk zon yang dijadualkan ada air, pengguna dijangka mendapat bekalan air pada jam 4 petang pada hari zon tersebut dijadualkan ada air. Bekalan air dijangka berterusan selama kira-kira 41 jam sehingga ditutup semula pada jam 9 pagi 2 hari selepas itu. Untuk zon yang

dijadualkan tiada air, bekalan air kepada pengguna dijangka mula terhenti pada jam 9:00 pagi pada hari zon tersebut dijadualkan tiada air. Tempoh tiada air dijangka selama kira-kira 55 jam sehingga dibuka semula pada jam 4 petang 2 hari selepas itu.

**TEMPOH PERLAKSANAAN PELAN PENGAGIHAN AIR BERJADUAL**  
Tiada bantuan air menggunakan lori-lori tangki dan tangki air statik bagi zon yang dijadualkan tiada air KECUALI bagi pengguna kritikal atau situasi yang amat memerlukan seperti upacara kematian, kenduri, pusat dialisis, hospital (kerajaan/swasta), rumah kebajikan dan lain-lain.  
Bantuan bekalan air tidak akan diberi kepada pengguna komersial dan industri. Pengguna komersial dan industri boleh memohon pembelian air dari pihak Syabas dengan menyediakan pengangkutan sendiri dan tertakluk kepada kelulusan Syabas.

Tarikh	Zon 1	Zon 2	Tarikh	Zon 1	Zon 2	Tarikh	Zon 1	Zon 2
2 Mac	Ada Air	Tiada Air	14 Mac	Ada Air	Tiada Air	26 Mac	Ada Air	Tiada Air
3 Mac	Tiada Air	Ada Air	15 Mac	Tiada Air	Ada Air	27 Mac	Tiada Air	Ada Air
4 Mac	Ada Air	Tiada Air	16 Mac	Ada Air	Tiada Air	28 Mac	Ada Air	Tiada Air
5 Mac	Tiada Air	Ada Air	17 Mac	Tiada Air	Ada Air	29 Mac	Tiada Air	Ada Air
6 Mac	Ada Air	Tiada Air	18 Mac	Ada Air	Tiada Air	30 Mac	Ada Air	Tiada Air
7 Mac	Tiada Air	Ada Air	19 Mac	Tiada Air	Ada Air	31 Mac	Tiada Air	Ada Air
8 Mac	Ada Air	Tiada Air	20 Mac	Ada Air	Tiada Air			
9 Mac	Tiada Air	Ada Air	21 Mac	Tiada Air	Ada Air			
10 Mac	Ada Air	Tiada Air	22 Mac	Ada Air	Tiada Air			
11 Mac	Tiada Air	Ada Air	23 Mac	Tiada Air	Ada Air			
12 Mac	Ada Air	Tiada Air	24 Mac	Ada Air	Tiada Air			
13 Mac	Tiada Air	Ada Air	25 Mac	Tiada Air	Ada Air			

Petunjuk  
■ Ada Air  
■ Tiada Air



## Hadiah Anak Masuk Universiti

# Ringankan beban ibu bapa dan pelajar

OLEH LIZAWATI MADFA

**KAJANG** - Inisiatif Kerajaan Negeri memperkenalkan program Hadiah Anak Masuk Universiti, ternyata memberi kelegaan kepada ibu bapa dan pelajar yang rata-ratanya terkesan dengan kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

Melalui program ini, setiap penerima berpeluang menerima wang saku sebanyak RM1,000 berbanding Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM) yang sekadar menawarkan RM450.

Seorang pelajar, Nurul Nabilah Faisal, 20, berkata beliau bangga dengan keprihatinan Kerajaan Negeri mengambil berat kebajikan golongan mahasiswa sepertinya.

“Dengan RM1,000 ini dapatlah sedikit sebanyak membantu untuk beli buku, peralatan belajar dan lain-lain.

“Kalau harapkan pada wang

pinjaman dan wang bulanan daripada keluarga, memang tidak cukup kerana harga sekarang semuanya naik, tiada yang turun,” katanya.

Beliau merupakan salah seorang penerima Hadiah Anak Masuk Universiti dalam satu majlis penyampaian yang diadakan di Menara Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), baru-baru ini. Setiap mereka menerima RM1,000 yang disampaikan Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali.

Sementara itu, seorang lagi penerima, Hazwani Mokhtar Lopi 24, mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan untuk menaikkan jumlah insentif yang diberikan.

“Saya percaya sebagai seorang yang bijak dan berkebolehan, Menteri Besar dapat membuat kira-kira dengan baik dalam hal ini.

“Selangor juga negeri kaya, tiada salahnya untuk mengeluarkan peruntukan lebih bagi mahasiswa apalagi golongan tersebut merupakan aset penting untuk masa hadapan,” katanya.

Sempena Belanjawan Selangor 2014, Kerajaan Negeri akan menaikkan had kelayakan Hadiah Anak Masuk Universiti daripada pendapatan seisi rumah RM1,500 sebulan kepada RM3,000 sebulan

“

**Saya percaya sebagai seorang yang bijak dan berkebolehan, Menteri Besar dapat membuat kira-kira dengan baik dalam hal ini**

**HAZWANI MOKHTAR**



## WAKTU SOLAT SELANGOR

7 - 14 MAC 2014

5 - 12 JAMADILAWAL 1435H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
7 Jumaat	5:57	6:07	7:23	1:27	4:40	7:40	8:28
8 Sabtu	5:57	6:07	7:23	1:27	4:39	7:39	8:28
9 Ahad	5:56	6:06	7:22	1:27	4:38	7:38	8:28
10 Isnin	5:56	6:06	7:22	1:26	4:38	7:38	8:28
11 Selasa	5:56	6:06	7:22	1:26	4:37	7:37	8:27
12 Rabu	5:55	6:05	7:21	1:26	4:36	7:26	8:27
13 Khamis	5:55	6:05	7:21	1:26	4:35	7:25	8:27
14 Jumaat	5:55	6:05	7:21	1:25	4:35	7:25	8:27

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
7 Jumaat	5:59	6:09	7:25	1:29	4:42	7:30	8:39
8 Sabtu	5:59	6:09	7:25	1:29	4:41	7:30	8:39
9 Ahad	5:58	6:08	7:24	1:29	4:40	7:30	8:39
10 Isnin	5:58	6:08	7:24	1:28	4:40	7:30	8:39
11 Selasa	5:58	6:08	7:24	1:28	4:39	7:29	8:38
12 Rabu	5:57	6:07	7:23	1:28	4:38	7:29	8:38
13 Khamis	5:57	6:07	7:23	1:28	4:37	7:29	8:38
14 Jumaat	5:57	6:07	7:23	1:27	4:37	7:29	8:38



## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembinaan)	Taraf/Jenis Syarikat	Syarat Pendaftaran	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Pemasangan Elektrik Untuk Bangunan Kompleks Islam Daerah Kuala Selangor  No Tender: JKR/SEL(N)/006(T)/2014	Bumiputera (PKK)  T1	Mempunyai Pendaftaran seperti berikut:  i.) Lembaga Pendaftaran Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan  ii.) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah Gred : G3, G4, G5, G6 & G7 Kategori : ME Pengkhususan: E04, E09 & E11  Diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor.  Pada 4 MAC 2014 (Selasa) Sehingga 17 MAC 2014 (Isnin)	Lawatan Tapak Digalakkan  Sebarang Pertanyaan sila hubungi: <b>Caw. Kejuruteraan Elektrik JKR Selangor 03-55447738</b>	RM200.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos)  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  25 MAC 2014 (Selasa) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari.

\*Jenis Pendaftaran:  
T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).  
A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegawai saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.  
A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.  
T2 - Tidak berkenaan



**Nurul Nabilah**



MOU Kerajaan Selangor - Kelantan

## Permulaan kerjasama ekonomi yang baik



OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - PAS mengucapkan tahniah atas usaha kepimpinan Kerajaan Selangor dan Kerajaan Kelantan memeterai memorandum persefahan (MOU).

haman (MOU).

Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang, berkata MoU antara Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)

itu langkah permulaan yang penting.

Katanya, ia peluang baik yang perlu diterokai kedua-dua kerajaan Pakatan Rakyat (PR) yang dipimpin Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim di Selangor dan Datuk Ahmad Yakob di Kelantan.

"MoU yang khususnya merujuk beberapa inisiatif kerjasama ekonomi dan perundingan dalam beberapa projek yang ada kepentingan bersama rakyat di kedua-dua negeri.

"Kita menterjemahkan prinsip dan polisi bersama yang dipersetujui dalam Pakatan dengan membangunkan model kerjasama," katanya pada kenyataan media baru-baru ini.

Pada 2 Mac lalu, Selangor dan Kelantan menandatangani MoU bagi mengadakan kerjasama ekonomi merangkumi tujuh projek usahasama.

**Kerjasama sedemikian perlu diperkembangkan untuk memberdayakan rakyat terutama dalam menghadapi kesan ekonomi yang semakin menghimpit.**

**ABDUL HADI  
Presiden PAS**

Empat bakal dilaksanakan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) membabitkan pusat halal hub bertaraf antarabangsa, pendidikan, rawatan air dan sistem Hybrid Off River Augmentation System (Horas).

Manakala tiga lagi projek bakal dikendalikan Perbadanan Kemajuan Iktisad Ne-

geri Kelantan (PKINK) bagi mengembangkan sistem gadaian Ar-Rahn di Selangor, pembangunan wifi dan jalur lebar, dan mewujudkan pusat pengumpulan pemasaran bagi produk makanan halal keluaran usahawan Kelantan dan Selangor.

MoU ditandatangani Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan rakan sejawat, Datuk Ahmad Yakub mewakili Kerajaan Kelantan. Upacara itu disaksikan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Abdullah serta Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kelantan dan Selangor.

Abdul Hadi berkata, kerjasama sedemikian perlu diperkembangkan untuk memberdayakan rakyat terutama dalam menghadapi kesan ekonomi yang semakin menghimpit.



**Menteri Besar Selangor dan Kelantan, menerangkan sesuatu kepada Mursidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat**